

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 24/03/2018
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Konsep 'bapa angkat' dorong kejayaan koperasi

Tarikh kemaskini: 24/03/2018



Datuk Abdul Fattah Abdullah (gambar fail)

LANGKAWI, 24 Mac (Bernama) -- Penyeliaan yang berkesan dari sesebuah kementerian atau organisasi menjadi salah satu faktor yang mendorong kejayaan beberapa buah koperasi di Malaysia, kata Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah hari ini.

Beliau berkata kementerian atau organisasi yang bertindak sebagai 'bapa angkat' ini sudah menetapkan kejayaan koperasi di bawah seliaan mereka sebagai salah satu indeks prestasi utama (KPI) masing-masing.

"Kita sekarang mempunyai kira-kira 14,000 buah koperasi dan kebanyakan koperasi yang berjaya, (di sebalik kejayaan mereka) mesti ada bapa angkat iaitu sebuah agensi atau organisasi yang membuat penyeliaan langsung operasi koperasi berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas perasmian penutupan Seminar Pembangunan Perniagaan Koperasi Rukun Tetangga 2018 yang disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Joseph Kurup di sini.

Menurutnya konsep bapa angkat ini dapat diaplikasikan dalam usaha untuk meningkatkan lagi penglibatan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dalam sektor koperasi dan Angkasa bersedia untuk membantu membimbing KRT-KRT yang terlibat untuk memajukan perniagaan mereka.

-- BERNAMA